

**Sultan Selangor Mahu UPM Pupuk Minat Penuntut Belajar Sejarah
Bernama
15 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Universiti Putra Malaysia (UPM) memupuk minat penuntutnya mempelajari sejarah negara ini.

Baginda bertitah meskipun UPM adalah universiti yang berteraskan sains dan teknologi, namun ia perlu memupuk minat berhubung kefahaman sejarah negara ini.

Sultan Sharafuddin bertitah apabila sejarah negara dipelajari dan difahami dengan betul, maka ia tidak akan diputar-belitkan sehingga menjadi satu cereka sandiwara atau bangsawan, yang boleh diubah mengikut kesedapan halwa telinga.

"Beta menyatakan perkara ini kerana sejak kebelakangan ini, sejarah kita banyak yang cuba diputar-belitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, sehingga menjadi tunggang terbalik, yang mana ada yang cuba menukarkan satu kesalahan kepada kebenaran.

"Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan beta. Sekali lagi beta berharap agar dipupuk keinginan mengetahui sejarah kepada pelajar-pelajar kerana sejarah itu adalah seumur hidup," titah baginda dalam ucapan perasmian Majlis Konvokesyen UPM Ke-35 di kampus universiti itu di Serdang dekat sini.

Sultan Sharafuddin juga bertitah agar seluruh warga UPM sentiasa bersatu hati, mengutamakan integriti dan mempertingkatkan produktiviti sehingga mampu melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

Baginda bertitah universiti merupakan satu pusat pemikiran serius untuk menyumbang kepada kemajuan bangsa, negara serta sejagat, dan bukan tempat memperjuangkan kepentingan diri sendiri, atau partisan yang sempit.

"Kepentingan umum hendaklah mengatasi kepentingan peribadi. Para pensyarah dan cendekiawan di universiti boleh berlainan pandangan atau pendapat, atau kritikan yang ikhlas dan membina.

"Tetapi hendaklah menghormati dan menyokong sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh majoriti. Hal ini akan dapat menyumbang kepada kemajuan UPM secara keseluruhan," titah baginda.

Sultan Selangor juga mahu melihat UPM menjadi universiti terunggul yang memberikan pembelajaran berkualiti tinggi kepada graduannya, dan mereka menjadi rebutan kerana kelayakan yang dimiliki.

Baginda bertitah, dengan ini UPM akan menjadi sebuah universiti yang berkualiti dan berstatus tinggi serta boleh dibanggakan, bukan sahaja di negara ini malah mampu bersaing dengan universiti lain di dunia.

Pada majlis itu, Sultan Sharafuddin mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma kepada 813 graduan dalam sesi pertama.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620114>